

Penanaman Bakau di Kuala Sepetang

KEPENTINGAN

Hutan paya laut merupakan ekosistem unik yang menjadi habitat penting kepada pelbagai flora dan fauna termasuk hidupan marin. Ia juga berperanan penting sebagai benteng untuk memecah dan menahan pukulan ombak yang kuat dari laut. Hutan ini juga berupaya mengawal dan melindungi kualiti air di kawasan yang terlibat dengan pasang surut.

Penanaman bakau di kawasan hutan paya laut adalah amat penting bagi tujuan:

- i. Memulihara kawasan hutan paya laut sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah.
- ii. Memulihara kawasan semulajadi hutan paya laut yang menjadi habitat kepada pelbagai hidupan flora dan fauna.
- iii. Meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika serta untuk tujuan pembelajaran.

POKOK BAKAU

Pokok bakau tumbuh di kawasan pantai yang terlindung daripada tiupan angin kencang dan hidup subur di kawasan berlumpur.

Pokok-pokok yang tumbuh di hutan paya laut di Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis spesies. Antara spesies pokok yang banyak terdapat di hutan paya laut adalah:


- i. Api-api (*Avicennia spp.*)
- ii. Bakau (*Rhizophora spp.*)
- iii. Perepat (*Sonneratia spp.*)
- iv. Berus (*Bruguiera spp.*)

KEUNIKAN


Pokok bakau adalah sejenis tumbuhan yang unik dengan ciri-ciri istimewa yang berfungsi untuk penyesuaian kepada persekitaran di kawasan paya laut. Pokok bakau mempunyai sistem akar pernafasan atau akar ceracak (pneumatofor) yang berfungsi bagi menyerap oksigen yang diperlukan terus dari udara. Selain itu, pokok bakau juga menggunakan akar jangkang serta batang berbanir sebagai penyokong. Ciri-ciri akar ini membantu pokok bakau untuk hidup di kawasan tanah berlumpur dan tidak stabil.




Akar jangkang



Akar banir



Akar ceracak (pneumatofor)



Akar lutut

KAEDAH PENANAMAN POKOK BAKAU

Cara penanaman bakau biasanya melalui dua (2) cara iaitu menggunakan anak pokok atau menggunakan propagul. Jarak tanaman bagi spesies bakau minyak adalah 1.2meter x 1.2meter manakala bagi bakau kurap adalah 1.8meter x 1.8meter

- i. Kaedah penanaman anak pokok – kaedah ini digunakan untuk kebanyakan spesies hutan paya laut. Beg politena hendaklah ditanggalkan dan anak pokok perlulah ditimbus dengan sempurna.



Anak pokok bakau




Kaedah penanaman anak pokok bakau



Anak pokok bakau yang telah ditanam

- ii. Kaedah penanaman propagul – kaedah ini digunakan untuk spesies hutan paya laut yang menghasilkan propagul yang boleh ditanam terus tanpa perlu disemai. Propagul ditanam dengan cara menusuk ke dalam tanah selat sedalam 1/3 daripada panjang propagul.



Propagul



Kaedah penanaman menggunakan propagul



Propagul yang sihat

AKTIVITI PENANAMAN BAKAU









